



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

26.08.2022

❖ Diam-diam ubi, tidak semestinya berisi

Pada Jumaat lalu (19 Ogos 2022), khabar mula tersebar di saluran berita dan media sosial bahawa GDB Holdings Berhad (GDB), firma pembinaan yang tersenarai di Bursa Malaysia telah menggantung kerjanya di tapak projek 8 Conlay di Jalan Conlay, Kuala Lumpur.

Dengan kontrak bernilai kira-kira RM1.25 bilion, pembangunan 8 Conlay adalah projek tunggal terbesar yang pernah dilaksanakan oleh GDB.

Sewaktu GDB dianugerahkan projek itu pada November 2020, ia telah dilantik sebagai kontraktor utama projek untuk menyiapkan baki kerja-kerja pembinaan utama untuk 8 Conlay. Tempoh keseluruhan kontrak adalah selama 32 bulan dan ia dijangka siap pada 22 September 2023.

Setakat ini, GDB masih mengunci mulut berhubung perkara yang berlaku antara mereka dan pelanggan mereka.

Menurut beberapa saluran berita (contohnya, Nanyang Business Daily, Sin Chew Daily), jurucakap GDB nampaknya telah mengesahkan penggantungan kerja kepada akhbar harian kewangan tempatan tetapi tidak mendedahkan butiran lanjut. Akhbar harian kewangan itu kemudiannya menarik balik laporan tersebut hanya beberapa jam selepas ia diedarkan di internet, menambahkan lagi kekusaran pemegang saham.

Sementara itu, KSK Land Sdn Bhd, pemaju 8 Conlay telah menepis khabar dalam pasaran bahawa projek itu menghadapi penggantungan kerja. Sebelum ini, pemaju itu telah menafikan cakap-cakap mengenai masalah kewangan, menegaskan bahawa mereka tidak pernah terlepas atau gagal membayar balik pinjaman.



Pemandangan di Jalan Conlay, Kuala Lumpur pada petang Isnin, 22 Ogos 2022 menunjukkan tidak banyak aktiviti pembinaan dijalankan di tapak projek 8 Conlay.

Semasa artikel ini ditulis, GDB masih belum mengeluarkan sebarang pengumuman rasmi, kenyataan atau siaran akhbar berkaitan khabar angin penggantungan kerja di tapak projek 8 Conlay.

Setakat 30 Jun 2022, buku pesanan GDB yang masih tertunggak berjumlah RM1.23 bilion yang terdiri daripada kerja-kerja pembinaan Park Regent di Desa ParkCity, Perla Ara Sentral di Ara Damansara, Hotel Hyatt Centric di Kota Kinabalu, Sabah dan 8 Conlay.

Perluakah pengumuman dibuat?

Perkembangan terbaru dalam GDB menimbulkan keraguan sama ada firma pembinaan itu perlu mengumumkan kepada Bursa Malaysia memandangkan kesan penggantungan kerja terhadap perniagaannya amat ketara.

Khabar angin perkembangan negatif ini mengejutkan pelabur. Pada 19 Ogos, harga saham GDB menyusut sebanyak 17% kepada paras terendah harian 22 sen daripada penutupan sebelumnya iaitu 26.5 sen. Kaunter itu turun 15% dan ditutup pada 22.5 sen pada akhir hari dagangan. Pada masa yang sama, 21.05 juta saham bertukar tangan pada 19 Ogos, berbanding 1.1 juta saham sehari sebelumnya. Harga saham GDB menyusut lagi kepada 19 sen pada 25 Ogos.

Walaupun sukar untuk mengaitkan sebab dan akibat antara kejatuhan mendadak harga saham GDB baru-baru ini dengan penggantungan kerja, tindak balas yang menjadi punca perubahan harga saham mungkin disebabkan oleh pasaran yang tidak mengambil mudah sikap GDB yang berdiam diri.

Menurut Bab 9 - Penzahiran Berterusan daripada Kehendak-kehendak Penyenaraian Sekuriti Bursa Malaysia (*Listing Requirements, LR*), penerbit tersenarai mestilah mengikut Kehendak-kehendak ini, menzahirkan kepada umum semua maklumat material yang diperlukan untuk pelaburan tepat dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua yang melabur dalam sekuritinya mendapat akses sama rata kepada maklumat itu.

Mengikut kebiasaan, sesuatu maklumat dianggap material jika ia dijangka mempunyai kesan ketara ke atas harga, nilai atau aktiviti pasaran sekuriti, atau mempengaruhi keputusan atau tindakan pemegang saham.

Maklumat yang berkaitan dengan perniagaan penerbit tersenarai, keadaan kewangan, prospek atau yang bersangkutan urusan dengan pekerja, pembekal dan pelanggan dianggap sebagai material untuk penzahiran dan pengetahuan awam.

Tambahan pula, syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) perlu memastikan bahawa penzahiran maklumat penting tidak boleh dibuat secara individu atau atas dasar terpilih kepada penganalisis, pemegang saham, wartawan dan sebagainya melainkan maklumat tersebut sebelum ini telah dizahirkan sepenuhnya dan disebar kepada orang ramai.

Namun begitu, perkara sedemikian tidaklah begitu jelas dan mudah dalam amalan. Tertakluk kepada budi bicara lembaga pengarah dan pengurusan, PLC boleh menahan sementara daripada menzahirkan maklumat penting secara terbuka jika

mereka menganggap penzahiran segera maklumat tersebut akan menjejaskan keupayaan mereka untuk mencapai objektif korporatnya atau apabila mereka berada dalam situasi yang berubah-ubah atau mereka mencari masa yang lebih sesuai untuk menzahirkan maklumat berkenaan.

Prospek jangka pendek yang suram

Dari segi kewangan, GDB kekal untung dalam tempoh tiga bulan berakhir 30 Jun 2022 (suku kedua tahun kewangan 2022), walaupun marginnya turun secara mendadak.

Pendapatan suku tahunannya melonjak 83% kepada RM147.5 juta daripada RM80.72 juta pada tahun sebelumnya, manakala untung bersih lebih rendah pada RM3.44 juta berbanding RM4.92 juta pada tahun sebelumnya.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun kewangan 2022, pendapatan GDB melonjak 65% kepada RM316.47 juta tetapi dengan untung yang lebih rendah sebanyak RM11.25 juta (separuh kedua tahun kewangan 2021: RM13.72 juta).

Keuntungan yang merosot adalah disebabkan oleh margin keuntungan yang lebih rendah daripada projek yang sedang dijalankan berikutan kenaikan harga bahan binaan dan kos buruh. Ia juga menanggung kos permulaan projek dan kos kakitangan yang lebih tinggi disebabkan tempoh kontrak yang berpanjangan akibat langkah penutupan yang dikuatkuasakan sebelum ini.

Bagi tempoh tiga bulan berakhir 30 Jun, GDB telah mengalami aliran keluar tunai operasi bersih sebanyak RM24.53 juta, berbanding aliran masuk tunai operasi bersih sebanyak RM18.44 juta setahun yang lalu.

Secara keseluruhannya, syarikat menjangkakan prospek yang mencabar bagi tahun kewangan 2022 disebabkan oleh isu kekurangan buruh yang berpanjangan, kenaikan kos pembinaan dan kos permulaan yang tinggi akibat tempoh pembinaan yang berpanjangan yang memberi tekanan ke atas keuntungan daripada projek-projek yang sedang dijalankan.

Sesetengah penganalisis berpandangan lemah terhadap prospek jangka pendek GDB. Hong Leong Investment Bank (HLIB) telah menurunkan taraf saham daripada "pegang" kepada "jual" dan mengurangkan harga sasaran sebanyak 26 sen kepada 15 sen.

Begitu juga TA Securities yang menurunkan taraf GDB daripada "beli" kepada "jual" dengan harga sasaran disemak semula 21 sen; kurang 32 sen daripada 53 sen yang diunjurkan sebelum ini. Firma penyelidikan ini mengumumkan pemberhentian liputan ke atas kaunter GDB "disebabkan kekurangan akses kepada pihak pengurusan". Frasa "kekurangan akses kepada pihak pengurusan" adalah pernyataan yang membimbangkan oleh sebuah firma penyelidikan.

Walaupun khabar angin tentang arahan penghentian kerja ke atas projek 8 Conlay masih belum diberikan penjelasan, disahkan atau dinafikan oleh pihak pengurusan, para penganalisis mungkin telah mengambil kira ketidakpastian ini ke dalam unjuran mereka.

HLIB menganggarkan bahawa projek 8 Conlay merangkumi kira-kira satu pertiga daripada buku pesanan GDB yang belum dibilkan dengan penghutang serta aset kontrak berjumlah kira-kira RM100 juta. Penganalisis itu menjangkakan pengiktirafan kewangan yang lebih perlahan bagi projek tersebut, mengurangkan andaian margin GDB dan berhati-hati terhadap penambahan buku pesanan di tengah-tengah persekitaran tender yang mencabar. Firma penyelidikan itu mengurangkan unjuran GDB bagi tahun kewangan 2022, 2023 dan 2024 masing-masing sebanyak 39.6%, 42.5% dan 28.1%.

Sementara itu, TA Securities mengambil pendekatan yang konservatif dengan mengeluarkan nilai buku pesanan tertunggak projek 8 Conlay daripada unjurannya dan mengurangkan unjuran pendapatan bagi tahun kewangan 2022, 2023 dan 2024 masing-masing sebanyak 57.6%, 62.3% dan 39.8%.

Kesimpulan

Keputusan untuk tidak menzahirkan maklumat tertentu kepada orang awam yang melabur mungkin disebabkan kerahsiaan. Walau bagaimanapun, pemegang saham minoriti mengharapkan supaya PLC mengesahkan, menjelaskan atau menafikan maklumat sensitif harga yang masih belum diberikan kepastian. Diam-diam ubi biasanya dikatakan berisi tetapi kadangkala berdiam diri boleh menimbulkan perasaan curiga. Selagi tiada maklumat, khabar angin akan membuatkan kita terus berteka-teki.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 29 Ogos hingga 2 September 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
29.08.22 (Isnin) 09.00 pagi	Kanger International Berhad (AGM)	Kanger telah meninggalkan perniagaan produk buluh untuk memberikan tumpuan terhadap aktiviti pembangunan hartanah. Penglibatannya dalam perniagaan hartanah masih di peringkat permulaan dan memerlukan masa untuk menunjukkan hasil. Sementara itu, pelaburan hartanah Kumpulan yang membabitkan perolehan pangapuri servis di suite Antara @ Genting Highlands dijangka

		menunjukkan hasil pada tahun kewangan 2024. Walau bagaimanapun, Syarikat perlu menangani kerugiannya yang semakin meningkat yang boleh menjurus kepada kegawatan aliran tunai.
29.08.22 (Isnin) 09.00 pagi	Asia Brands Berhad (AGM)	Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2022 kekal tidak berubah berbanding tahun sebelum ini, iaitu berjumlah RM170 juta. Syarikat terjejas teruk akibat pandemik yang mengganggu rantai bekalan. Melangkah ke hadapan, prestasinya dijangka lebih baik pada tahun kewangan 2023 memandangkan syarikat sudah beralih kepada jualan dalam talian untuk memasarkan produk bayi dan pakaian dalam yang dianggap sebagai barangan keperluan pengguna.
29.08.22 (Isnin) 09.30 pagi	Resintech Berhad (AGM)	<p>Prestasi pendapatan Resintech turun naik sejak 10 tahun lalu, daripada RM76 juta sehingga RM91 juta. Sementara itu, untung bersihnya berjumlah antara RM3 juta dan RM10 juta dalam tempoh tersebut.</p> <p>Perniagaan syarikat yang melibatkan pembuatan dan perdagangan pelbagai bahan binaan plastik didorong terutamanya oleh aktiviti pembinaan dan infrastruktur, yang bersifat kitaran.</p> <p>Oleh yang demikian, Syarikat perlu memikirkan strategi untuk mencapai pertumbuhan prestasi kewangan yang lebih mampan dan seterusnya memberikan nilai yang lebih baik kepada para pemegang saham.</p> <p>Namun begitu, Syarikat telah mencuba mempelbagaikan aktiviti dengan menceburi industri bioteknologi dengan rancangan untuk memperoleh 30% kepentingan ekuiti dalam Bionutricia Holding Sdn Bhd.</p>
29.08.22 (Isnin) 10.00 pagi	NWP Holdings Berhad (AGM)	Kumpulan mencatatkan rugi bersih berjumlah RM17.35 juta pada tahun kewangan 2022, berbanding rugi

		<p>bersih RM10.69 juta dalam tempoh kewangan 18 bulan sebelum ini.</p> <p>Prestasi yang merosot ini adalah disebabkan oleh peningkatan modal kerja untuk menyokong mempelbagaian kumpulan ke dalam perniagaan baharu.</p> <p>Pada masa yang sama, juruaudit luar Kumpulan iaitu HLB Ler Lum Chew PLT telah mengetengahkan ketidakpastian yang ketara dalam NWP yang berkaitan usaha berterusan, memandangkan Kumpulan mengalami rugi bersih berjumlah RM17 juta pada tahun kewangan 2022, aliran keluar tunai operasi yang negatif berjumlah RM6.03 juta serta status liabiliti semasanya melebihi aset semasa sebanyak RM1.8 juta.</p>
29.08.22 (Isnin) 10.00 pagi	Solarvest Holdings Berhad (AGM)	<p>Persekitaran operasi yang sukar serta peningkatan kos bahan input ternyata menjejaskan prestasi Solarvest. Pendapatan Solarvest berjumlah RM175.8 juta pada tahun kewangan 2022, mewakili penurunan sebanyak 21.6% tahun ke tahun berbanding RM224.3 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2021. Untung bersihnya pula merudum 57.1% kepada RM6.9 juta. Disokong oleh saiz buku pesanan tertinggi sepanjang masa berjumlah RM727 juta, iaitu 4 kali ganda saiz pendapatannya bagi tahun kewangan 2022, Solarvest yakin prestasinya lebih baik dalam tahun kewangan 2023.</p>
29.08.22 (Isnin) 10.00 pagi	Dominant Enterprise Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencapai keputusan yang membanggakan pada tahun kewangan 2022 dengan mencatatkan peningkatan 91.9% atau RM27.2 juta dalam keuntungan operasi, yang berjumlah RM56.8 juta berbanding RM29.6 juta pada tahun kewangan 2021. Lonjakan prestasi keuntungan ini disumbangkan oleh pampasan insurans bersih sekali sahaja yang diterima berjumlah RM10.6 juta daripada kejadian kebakaran gudang di Muar, serta peningkatan pendapatan dan</p>

		margin yang lebih tinggi dicapai daripada segmen pengedaran.
29.08.22 (Isnin) 10.00 pagi	Genetec Technology Berhad (AGM)	<p>Genetec mencatatkan peningkatan 130% dalam pendapatan kepada RM223.6 juta pada tahun kewangan 2022, berbanding RM97.1 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Dirangsang oleh sektor kenderaan elektrik (<i>electric vehicles, EV</i>) dan Penyimpanan Tenaga, Genetec menyaksikan pendapatan segmennya meningkat dengan ketara sebanyak 481.2% kepada RM163.9 juta.</p> <p>Melihat dari sudut keuntungan syarikat, Genetec mencatatkan untung bersih (yang diagihkan kepada pemilik syarikat) berjumlah RM56.4 juta berbanding rugi bersih berjumlah RM4.245 juta pada tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh peningkatan jumlah jualan, penambahbaikan kecekapan operasi serta peningkatan margin dalam campuran produk.</p>
29.08.22 (Isnin) 11.00 pagi	Genetec Technology Berhad (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan untuk memperoleh sebidang tanah pajakan 99 tahun di Bandar Baru Bangi, Selangor seluas kira-kira 6.348 hektar bersama-sama bangunan yang didirikan di atasnya, dengan balasan tunai sebanyak RM53 juta.
29.08.22 (Isnin) 02.30 petang	WCE Holdings Berhad (AGM)	<p>WCE mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM606.9 juta pada tahun kewangan 2022, berbanding RM375 juta pada tahun kewangan 2021, sebahagian besarnya disumbangkan oleh aktiviti pembinaan yang aktif.</p> <p>Walaupun operasi tol telah dimulakan, Kumpulan masih mencatatkan rugi sebelum cukai berjumlah RM139.3 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM104.8 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Kerugian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan faedah daripada</p>

		pembiayaan projek untuk bahagian projek konsesinya yang sudah siap.
29.08.22 (Isnin) 02.30 petang	Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad (AGM)	<p>Syarikat telah menghentikan pengeluaran periuk nasi elektrik pada awal tahun 2022 disebabkan oleh peningkatan kos pengeluaran yang mengakis margin keuntungan. Berkuat kuasa dari 30 September 2022, syarikat juga akan menghentikan pengeluaran peralatan dapur seperti pengisar, pemproses makanan dan periuk masak perlahan.</p> <p>Melangkah ke hadapan, prestasinya bergantung kepada sejauh mana kejayaan produk baharu yang dirancang untuk diperkenalkan ke dalam pasaran bagi menggantikan produk-produk ini dan menampung semula pendapatan yang hilang.</p>
29.08.22 (Isnin) 03.00 petang	Power Root Berhad (AGM)	<p>Power Root mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 12.5% kepada RM347.9 juta pada tahun kewangan 2022. Peningkatan ini didorong oleh jualan tempatan yang lebih tinggi, terutama selepas pemansuhan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Jualan tempatan menyumbang 58.7% daripada pendapatan syarikat pada tahun kewangan 2022, meningkat daripada 53.4% yang dicatatkan setahun lalu.</p> <p>Bagaimanapun, untung bersih merosot 7.1% kepada RM26.3 juta pada tahun kewangan 2022, terutamanya disebabkan oleh peningkatan kos kakitangan dan insentif jualan.</p>
30.08.22 (Selasa) 10.00 pagi	Ajinomoto (M) Berhad (AGM)	<p>Untung sebelum cukai Ajinomoto menyusut dengan ketara sebanyak 60.4% kepada RM24.3 juta berbanding RM61.3 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga bahan mentah dan kos bahan api, kos pengangkutan dan tambang muatan yang tinggi, peningkatan kos kakitangan dan perbelanjaan operasi lain.</p>

		<p>Prestasi kewangan Syarikat akan terus terjejas oleh tekanan inflasi, kekangan rantaian bekalan, kenaikan harga bahan mentah dan kos bahan api.</p>
<p>30.08.22 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>QL Resources Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan QL meningkat 19.6% tahun ke tahun kepada RM5.24 bilion (tahun kewangan 2021: RM4.38 bilion) manakala untung sebelum cukainya menyusut 25.7% kepada RM321.21 juta (2021: RM432.56 juta).</p> <p>Tidak termasuk keuntungan daripada pengukuran semula sekali sahaja yang diiktiraf pada tahun kewangan 2021, untung sebelum cukai QL masih lebih rendah sebanyak 9.1%.</p> <p>Jelas sekali, inilah kali pertama QL mengalami penyusutan keuntungan selepas mencatatkan pertumbuhan perolehan selama 21 tahun berturut-turut.</p> <p>Pada tahun kewangan 2022, pendapatan FamilyMart telah melepasi ambang 10% yang ditetapkan dalam MFRS 8.13 untuk pelaporan Segmen Kendalian.</p> <p>Perniagaan Rangkaian Kedai Serbaneka (CSV) mencatatkan untung sebelum cukai sebanyak RM43 juta dengan pendapatan berjumlah RM636.71 juta apabila FamilyMart mencapai skala ekonomi.</p> <p>Dengan kehadiran CSV menjadi sebahagian daripada operasi dan memangkin pertumbuhan di samping perniagaan teras Kumpulan, QL optimis namun kekal berhati-hati untuk mencatat prestasi yang lebih baik pada tahun kewangan 2023.</p>
<p>30.08.22 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>Minetech Resources Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan memperoleh pendapatan berjumlah RM85.4 juta pada tahun kewangan 2022, menyusut 10.1% daripada RM95.0 juta pada tahun kewangan 2021. Pendapatan yang lebih rendah ini</p>

		<p>disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada bahagian Kuari dan Perkhidmatan.</p> <p>Dalam perkembangan yang sama, Kumpulan mencatatkan rugi bersih RM25.2 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding untung bersih RM0.9 juta setahun lalu. Ini disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah dan rosot nilai yang dilaksanakan pada tahun tersebut.</p>
30.08.22 (Selasa) 10.30 pagi	ACME Holdings Berhad (AGM)	<p>ACME menyaksikan pendapatannya menyusut sebanyak 67% kepada RM9.9 juta pada tahun kewangan 2022 daripada RM30.3 juta setahun yang lalu.</p> <p>Penurunan mendadak ini disebabkan oleh sumbangan pendapatan yang rendah daripada bahagian pembangunan hartanah.</p> <p>Kumpulan mencatatkan rugi bersih berjumlah RM2.6 juta berbanding untung bersih RM2.6 juta pada tahun kewangan sebelum ini.</p>
30.08.22 (Selasa) 11.00 pagi	YLI Holdings Berhad (AGM)	<p>YLI merekodkan rugi bersih berjumlah RM6.701 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding rugi bersih RM1.126 juta pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh penurunan ketara dalam margin keuntungan yang timbul daripada kenaikan harga bahan mentah, kos utiliti dan harga bahan pakai habis.</p> <p>Tambahan pula, prestasi keuntungannya turut terheret oleh pendapatan lain yang lebih rendah disebabkan ketiadaan pendapatan lain sekali sahaja yang diperolehi pada tahun kewangan 2021.</p>
30.08.22 (Selasa) 11.30 pagi	ACME Holdings Berhad (EGM)	<p>ACME berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan pengurangan modal saham terbitannya sebanyak RM160 juta menurut Seksyen 117 Akta Syarikat 2016.</p>
30.08.22 (Selasa) 12.00 tengah hari	Mytech Group Berhad (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan untung sebelum cukai berjumlah RM1.84 juta</p>

		pada tahun kewangan 2022, berbanding rugi sebelum cukai berjumlah RM1.21 juta pada tahun kewangan 2021. Segmen pembuatan memperoleh untung sebelum cukai yang lebih tinggi berjumlah RM2.76 juta berbanding RM2.47 juta pada tahun kewangan 2021. Bagaimanapun, segmen hotel mencatatkan peningkatan dalam rugi sebelum cukai iaitu sebanyak RM0.41 juta berbanding RM0.34 juta pada tahun kewangan 2021.
01.09.22 (Khamis) 09.30 pagi	Hartalega Holdings Berhad (AGM)	Keuntungan dan prestasi Syarikat pada masa hadapan akan terjejas susulan kejatuhan harga jualan purata (<i>average selling price, ASP</i>) dan peningkatan dalam bekalan sarung tangan. Walau bagaimanapun, peningkatan kesedaran tentang aspek kebersihan selepas pandemik boleh membantu mengurangkan kesan persekitaran operasi yang sukar.
02.09.22 (Jumaat) 03.00 petang	Omesti Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2022 meningkat 29.8% tahun ke tahun kepada RM305.29 juta (tahun kewangan 2021: RM235.22 juta), namun untung sebelum cukai merudum kepada RM1.31 juta berbanding RM8.30 juta pada tahun kewangan 2021. Penurunan mendadak dalam keuntungan adalah disebabkan oleh pengiktirafan kerugian daripada syarikat bersekutu berjumlah RM2.51 juta, berbanding keuntungan RM6.58 juta pada tahun sebelum ini.

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diketengahkan
Kanger International Berhad (AGM)	1. Penghutang Perdagangan melonjak daripada RM9.6 juta pada tahun kewangan berakhir 2021 kepada RM81.3 juta pada tahun kewangan berakhir 2022. (Halaman 60, Laporan Tahunan 2022). a) Apakah yang menyebabkan peningkatan mendadak ini?

	<p>b) Adakah Syarikat telah mengkaji semula polisi kreditnya bagi memastikan hanya pelanggan yang layak diberikan kemudahan kredit?</p> <p>2. Perbelanjaan Operasi Lain melonjak dengan ketara daripada RM67.2 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM207.2 juta pada tahun kewangan 2022. (Halaman 62, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah yang terkandung dalam Perbelanjaan Operasi Lain dan apakah yang menyebabkan peningkatan mendadak ini?</p> <p>3. Elaun penurunan nilai untuk inventori usang dan yang bergerak perlahan meningkat dengan ketara daripada RM385k pada tahun kewangan berakhir 2021 kepada RM15.5 juta pada tahun kewangan berakhir 2022. (Halaman 68, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah jumlah yang telah dihapuskan sehingga kini?</p> <p>b) Adakah Syarikat menjangkakan elaun ini akan meningkat memandangkan ekonomi yang perlahan pada tahun kewangan 2023?</p>
<p>Resintech Berhad (AGM)</p>	<p>Merujuk kepada Nota 12 – Penghutang lain, deposit dan bayaran pendahuluan (Halaman 127, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Termasuk dalam penghutang lain Resintech ialah pendahuluan berjumlah RM1.95 juta (tahun kewangan 2021: RM1.95 juta) untuk pelaburan lain yang mana Resintech mempunyai pilihan untuk menukar pendahuluan tersebut kepada kepentingan ekuiti tambahan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Apakah jenis perniagaan yang berkaitan dengan pendahuluan dan pelaburan lain yang dimaksudkan itu? - Jumlah pendahuluan kekal tidak berubah sepanjang dua tahun yang lalu. Mengapakah Syarikat tidak menukar pendahuluan itu kepada kepentingan ekuiti memandangkan ia diklasifikasikan sebagai aset semasa? <p>b) Termasuk dalam penghutang lain ialah amaun berjumlah RM10.84 juta yang terhutang oleh pihak ketiga. Jumlah ini tiada pada tahun kewangan 2021.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Apakah yang terkandung dalam penghutang ini? Bagaimanakah amaun ini boleh wujud? Siapakah pihak ketiga yang dimaksudkan itu? - Apakah kebarangkalian Syarikat dapat mengutip semula jumlah yang terhutang ini?

<p>NWP Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2022, NWP sekali lagi mencatatkan rugi kasar berjumlah RM2,907,358, yang lebih tinggi daripada rugi kasar RM2,685,857 dalam tempoh kewangan berakhir 2021. Kos jualan NWP yang berjumlah RM6,136,018 adalah jauh lebih tinggi daripada pendapatan yang berjumlah RM3,228,660 (Halaman 44, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan rugi kasar Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2022? Apakah yang menyebabkan kos jualan lebih tinggi daripada pendapatan?</p> <p>b) Ini adalah perkara yang serius, maka apakah langkah drastik yang diambil oleh Lembaga Pengarah untuk menangani isu di atas?</p> <p>c) Dapatkah Kumpulan mencapai margin untung kasar pada tahun kewangan berakhir 2023? Jika tidak, apakah sebabnya?</p>
<p>Solarvest Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Segelintir pemain di bawah skim solar berskala besar 4 (<i>Large Scale Solar 4, LSS4</i>) telah mengumumkan lanjutan empat tahun kepada tempoh berkuat kuasa Perjanjian Pembelian Tenaga (<i>Power Purchase Agreement, PPA</i>) dengan Tenaga Nasional Berhad, menjadikan tempoh keseluruhan 25 tahun. Sehingga kini, Solarvest tidak membuat sebarang pengumuman syarikat yang berkaitan lanjutan PPA. Sila jelaskan sama ada ketiga-tiga projek yang diperolehi Solarvest di bawah skim LSS4, dengan kapasiti gabungan 50 MW, layak mendapat lanjutan PPA? Jika tidak, sila jelaskan sebabnya.</p>
<p>Dominant Enterprise Berhad (AGM)</p>	<p>Walaupun berdepan ketidakpastian dan gangguan akibat pandemik COVID19, Kumpulan mencapai keputusan yang membanggakan pada tahun kewangan 2022, dengan keuntungan operasi berjumlah RM56.8 juta (tahun kewangan 2021: RM29.6 juta), mewakili peningkatan sebanyak RM27.2 juta atau 91.9%. Kumpulan telah menerima pampasan insurans bersih berjumlah RM10.6 juta sepanjang tahun kewangan berikutan kejadian kebakaran gudang di Muar pada Januari 2021.</p> <p>Jika dikecualikan pampasan insurans bersih itu, Dominant masih merekodkan keuntungan operasi yang membanggakan berjumlah RM46.2 juta, peningkatan tahun ke tahun sebanyak RM16.6 juta atau 56.1% (Halaman 12, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Adakah prestasi yang membanggakan ini dapat diteruskan pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Apakah kelebihan daya saing yang dimiliki oleh Kumpulan berbanding syarikat-syarikat lain dalam pasaran?</p>
<p>Genetec Technology Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2022, kumpulan mencapai pertumbuhan luar biasa dalam segmen Kenderaan Elektrik</p>

	<p>dan Penyimpanan Tenaga, terutamanya didorong oleh pesanan kukuh daripada pelanggan utama sedia ada dari Amerika Syarikat. Pelanggan C, seperti yang didedahkan di halaman 89 Laporan Tahunan tahun kewangan 2022, menyumbang RM163.872 juta atau 73.3% kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan 2022.</p> <p>i) Berkenaan produk yang dibekalkan oleh kumpulan kepada Pelanggan C, adakah kumpulan pembekal tunggal bagi Pelanggan C?</p> <p>ii) Adakah kumpulan menjangkakan peningkatan dalam peratus sumbangan pendapatan daripada Pelanggan C pada masa hadapan?</p> <p>iii) Melihat kadar penumpuan sumbangan pendapatan yang tinggi daripada Pelanggan C, bagaimanakah kumpulan menguruskan risiko penumpuan pelanggan yang wujud daripada Pelanggan C?</p> <p>iv) Apakah kelebihan daya saing yang dimiliki oleh kumpulan berbanding pesaing lain yang membantu kumpulan mendapatkan kontrak/ tempahan daripada Pelanggan C?</p>
WCE Holdings Berhad (AGM)	<p>Penyiapan projek terjejas disebabkan kelewatan dalam pengambilan tanah dan proses memuktamadkan jajaran lebuhraya. Projek ini juga terjejas dari segi kewangan disebabkan limpahan kos dalam pengambilan tanah. Ini ditambah lagi dengan wabak COVID-19. Adakah kumpulan menjangkakan keperluan untuk mendapatkan dana ekuiti tambahan bagi menyiapkan lebuhraya itu?</p>
Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad (AGM)	<p>1. Syarikat telah menghentikan pengeluaran periuk nasi elektrik pada awal tahun 2022 disebabkan oleh peningkatan kos pengeluaran yang menghakis margin keuntungan. Berkuat kuasa dari 30 September 2022, Syarikat juga akan menghentikan pengeluaran peralatan dapur seperti pengisar, pemproses makanan dan periuk masak perlahan.</p> <p>a) Berapakah kerugian pendapatan daripada pemberhentian barisan produk ini?</p> <p>b) Apakah produk yang akan diperkenalkan oleh Syarikat kepada pasaran untuk menampung kerugian pendapatan daripada penghentian barisan produk di atas pada tahun kewangan berakhir 2023?</p> <p>2. Pendapatan Operasi Lain Syarikat melonjak kepada RM19.5 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM6.4 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 77, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah punca peningkatan yang ketara ini dan adakah pendapatan ini dijangka akan berulang?</p>

Power Root Berhad (AGM)	<p>Power Root sudah bersedia untuk pengenaan cukai gula yang akan dilaksanakan pada 1 April 2022. Walaupun kerajaan Malaysia telah menangguhkan pelaksanaan cukai gula buat masa ini, Syarikat tetap bersedia menghadapi sebarang kemungkinan. Power Root menjangkakan untuk melancarkan produk baharu dengan paras gula yang lebih rendah bagi memenuhi trend dan perubahan cita rasa pengguna. (Halaman 19, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Apakah potensi impak daripada cukai gula baharu di Malaysia ini terhadap Power Root?</p> <p>b) Berapakah jumlah produk semasa syarikat yang akan terjejas oleh pengenaan cukai gula di Malaysia? Berapa banyakkah daripada produk ini boleh diperkenalkan semula dengan paras gula yang lebih rendah?</p> <p>c) Apakah yang anda pelajari daripada pelancaran cukai gula di pasaran Timur Tengah yang boleh diaplikasikan di Malaysia?</p>
Ajinomoto (M) Berhad (AGM)	<p>Pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan 2022 meningkat 9.4% daripada RM443.1 juta kepada RM484.7 juta. Walaupun kumpulan merekodkan volum jualan produk industri iaitu AJI-NO-MOTO, TUMIX dan TENCHO yang lebih tinggi, untung sebelum cukai kumpulan menyusut dengan ketara sebanyak 60.4% kepada RM24.3 juta berbanding RM61.3 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Penurunan untung sebelum cukai sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga bahan mentah dan kos bahan api, kos pengangkutan dan tambang muatan yang lebih tinggi, peningkatan kos kakitangan, susut nilai, penyelenggaraan perkakasan dan perisian komputer serta perbelanjaan operasi lain. (Halaman 8 dan 47, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Adakah Kumpulan menjangkakan untuk menghadapi cabaran yang serupa pada tahun kewangan 2023?</p> <p>b) Bagaimanakah tekanan inflasi (kenaikan harga bahan mentah dan kenaikan kos bahan api) menjejaskan margin keuntungan produk kumpulan Ajinomoto pada tahun kewangan 2023? Adakah kumpulan berpeluang menyalurkan kenaikan kos bagi mengekalkan/meningkatkan margin keuntungannya?</p>
QL Resources Berhad (AGM)	<p>Kumpulan kapal nelayan QL terdiri daripada 29 kapal pukat jerut yang serba lengkap. Kumpulan bekerja keras untuk mengatasi kekurangan anak kapal, namun berjaya meningkatkan operasi daripada 3 buah kapal kecil pada awal tahun kewangan 2022 kepada 22 unit pada akhir suku keempat, selepas musim tengkujuh. Apabila situasi buruh bertambah baik, QL menjangkakan keseluruhan kumpulan</p>

	<p>kapal nelayan di Endau akan beroperasi sepenuhnya. (Halaman 25, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Adakah Kumpulan berjaya mengatasi masalah kekurangan anak kapal? Sehingga kini, adakah keseluruhan kumpulan kapal nelayan QL sudah beroperasi sepenuhnya?</p>
Minetech Resources Berhad (AGM)	<p>Merujuk Penyata Aliran Tunai (Halaman 92, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Sila jelaskan sifat dan tujuan kerugian rosot nilai berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. RM1.08 juta untuk penghutang lain ii. RM4.61 juta untuk penghutang perdagangan iii. RM0.55 juta untuk aset tidak ketara iv. RM4.24 juta untuk aset yang dipegang untuk dijual <p>b) Berdasarkan perubahan modal kerja di dalam Penyata Aliran Tunai, penghutang perdagangan menyusut RM2.76 juta pada tahun kewangan 2022. Ini tidak sepadan dengan peningkatan dalam penghutang perdagangan yang berjumlah RM16.92 juta dalam Penyata Kedudukan Kewangan di halaman 87. Apakah yang menyebabkan jumlah ini tidak sepadan?</p>
ACME Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan membayar RM3,240,000 menurut Perjanjian Jual Beli bertarikh 28 Januari 2022 yang ditandatangani antara Syarikat dan Ramsey Properties Sdn. Bhd. berhubung pemerolehan 6 unit hartanah dengan balasan berjumlah RM8,000,000. (Halaman 89, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah tujuan Kumpulan memperoleh 6 unit hartanah daripada Ramsey Properties Sdn. Bhd. ini?</p> <p>b) Di manakah lokasi dan apakah ciri-ciri 6 unit hartanah yang diperoleh?</p> <p>c) Berapakah jangkaan pulangan daripada pelaburan ke atas 6 unit hartanah ini?</p>
YLI Holdings Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan margin untung kasar (<i>gross profit margin, GPM</i>) sebanyak 5.17% (RM4,332,000/ RM83,849,000) pada tahun kewangan 2022 berbanding GPM sebanyak 9% (RM9,294,000/ RM103,174,000) pada tahun kewangan 2021 (Halaman 25, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Penurunan dalam GPM adalah disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk implikasi negatif daripada pandemik COVID-19 yang berterusan, konflik antara Rusia dan Ukraine serta lonjakan harga bahan mentah yang berpanjangan, harga bahan pakai habis dan kos utiliti. (Halaman 19, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Memandangkan gabungan faktor yang dinyatakan di atas boleh menjejaskan prestasi perniagaan Kumpulan secara berterusan, bagaimanakah Kumpulan dapat meningkatkan GPM?</p>

	<p>b) Bolehkah Kumpulan menyalurkan kenaikan kos atau sebahagian daripadanya kepada pelanggan?</p> <p>c) Berapakah GPM yang disasarkan oleh Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 2023?</p>
<p>Mytech Group Berhad (AGM)</p>	<p><u>Segmen Pembuatan</u></p> <p>1. Berapakah kadar penggunaan kapasiti untuk kilang Segmen Pembuatan sebelum ini, semasa dan jangkaan bagi tahun kewangan 2023?</p> <p>2. Ekoran daripada peningkatan kos pengeluaran ditambah pula dengan kos bahan mentah yang lebih tinggi, Segmen akan terus mengoptimumkan rantai bekalnya untuk kekal berwaspada terhadap perubahan kos serta mengenal pasti cara kerja baharu demi menambah baik kecekapan pengendalian agar dapat mencapai prestasi operasi yang memuaskan (Halaman 6, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Sejauh manakah kenaikan kos yang dinyatakan di atas akan memberi kesan negatif terhadap operasi perniagaan Segmen?</p> <p>b) Apakah perkembangan Segmen dalam mengoptimumkan rantai bekalnya?</p> <p>c) Apakah penambahbaikan yang telah dicapai oleh Segmen dari segi kecekapan operasi? Apakah penambahbaikan yang disasarkan bagi tahun kewangan 2023?</p>
<p>Hartalega Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>1. Syarikat meneruskan rancangan pengembangannya dengan Kompleks Pembuatan Sarung Tangan Bersepadu Generasi Seterusnya (<i>Next Generation Integrated Glove Manufacturing Complex, NGC 1.5</i>) (Halaman 25, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Mengapakah Syarikat meneruskan rancangan pengembangannya sedangkan terdapat lebih bekalan sarung tangan dalam pasaran? Bukankah syarikat sepatutnya menanggung rancangan pengembangannya sehingga dinamik bekalan dan jualan sarung tangan kembali pulih?</p> <p>2. Pendapatan Lain mencatatkan peningkatan ketara daripada RM53.4 juta pada tahun kewangan berakhir 2021 kepada RM95.3 juta pada tahun kewangan berakhir 2022. (Halaman 119, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan ini dan adakah pendapatan ini berulang?</p>

Omesti Berhad (AGM)	<p>Pendapatan segmen Perkhidmatan Prestasi Perniagaan bagi tahun kewangan meningkat sebanyak 63.7% kepada RM225.84 juta (2021: RM137.96 juta), terutamanya disebabkan oleh pemenuhan pesanan yang tinggi (Halaman 9, Laporan Tahunan 2022). Bagaimanapun, keputusan segmen Perkhidmatan Prestasi Perniagaan menyusut dengan ketara kepada RM4.94 juta (2021: RM31.86 juta) (Nota 4(a), Halaman 31 dan 32 Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Mengapakah segmen Perkhidmatan Prestasi Perniagaan Kumpulan mengalami penurunan yang ketara sebanyak 84.5% sedangkan pendapatan meningkat 63.7%?</p>
---------------------	---

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.